

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kes jangkitan harian kembali meningkat

Putrajaya: Kes jangkitan harian COVID-19 di negara ini kembali meningkat dengan 15,759 kes selepas lima hari berturut-turut mencatatkan penurunan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Sarawak terus merekodkan kes tertinggi dengan 3,732 kes, diikuti Johor (1,959), Selangor (1,934) dan Pulau Pinang (1,417).

Katanya, tiga negeri lagi turut mencatatkan kes empat angka iaitu Kelantan (1,338), Sabah (1,291) dan Perak (1,184).

Beliau berkata, enam negeri merekodkan kes COVID-19 tiga angka iaitu Kedah (786), Pahang (707), Terengganu (592), Kuala Lumpur (359), Melaka (264) dan Negeri Sembilan (127), manakala Putrajaya, Perlis dan Labuan mencatat kes dua angka dengan masing-masing 34, 23 serta 12 kes.

Sementara itu, sejumlah 301 kematian disebabkan COVID-19 dilaporkan kelmarin, dengan 108 kes dilaporkan dalam tempoh 24 jam, manakala 193 kes adalah kes tertunggak.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) di portal COVIDNOW memaklumkan, jumlah keseluruhan angka korban di negara ini adalah 23,744 kes.

Data itu juga menunjukkan

92 kes kematian terbabit adalah kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), menjadikan sejumlah 4,564 kes pesakit COVID-19 yang meninggal dunia sebelum menerima bantuan perubatan.

Lembah Klang melaporkan kes kematian tertinggi dengan 143 kes, disusuli Johor (52), Kelantan (23) dan Pulau Pinang (22).

Selain itu, Sabah (19), Perak (15), Sarawak (8), Kedah (6), masing-masing empat kes di Pahang dan Terengganu, Melaka (3) serta masing-masing satu kes di Perlis dan Negeri Sembilan.

Hanya dua wilayah iaitu Labuan dan Putrajaya tidak melaporkan pertambahan kes kematian.

Mengenai kebolehhajatan COVID-19 di negara ini, data menunjukkan masih terdapat 207,698 kes aktif.

Daripada jumlah itu, 172,648 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah, manakala 22,675 kes pula berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Sebanyak 11,321 kes pula sedang dirawat di hospital, manakala 521 kes berada di unit rawatan rapi (ICU) serta memerlukan alat bantuan pernafasan dan 633 kes berada dalam ICU dan tidak memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sarawak terus merekodkan kes tertinggi dengan 3,732 kes, diikuti Johor (1,959), Selangor (1,934) dan Pulau Pinang (1,417)

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Sebahagian pelajar yang menerima suntikan vaksin di PPV Dewan Canselor MSU, Shah Alam, semalam.

(Foto Owee Ah Chun/BH)

Penularan COVID-19

156 PPV untuk vaksinasi remaja secara walk-in

Pemberian vaksin bermula esok, dilaksana ikut giliran, tarikh, masa ditetapkan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 156 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan Intergrasi dikenal pasti bagi menyediakan suntikan vaksin secara walk-in kepada remaja, di seluruh negara.

Pengerusi Pasukan Bertindak Imunisasi COVID-19 Remaja (CITFA), Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata pemberian vaksin secara walk-in kepada remaja menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja itu akan bermula esok.

Katanya, pelaksanaan kaedah walk-in berjadual akan dilakukan mengikut lokasi sekolah berhampiran dengan PPV yang dikenal pasti dan akan dilaksanakan mengikut giliran serta tarikh dan masa yang ditetapkan.

"Jadual akan dikeluarkan oleh pihak sekolah masing-masing kepada remaja dan ibu bapa. Kaedah walk-in ini melibatkan semua kategori remaja, termasuk mereka yang tidak bersekolah.

"Bagi remaja yang tidak bersekolah, mereka dibenarkan untuk datang ke mana-mana 156 PPV yang berdekatan dengan kediaman.

"Namun, jika kuota vaksin di PPV itu habis untuk hari berkenaan, mereka akan diberi janji temu di PPV yang sama keesokan hari atau di klinik kesihatan swasta berdekatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata terdapat beberapa kaedah

akan digunakan bagi mempercepatkan proses vaksinasi bagi remaja iaitu secara jangka luar (outreach) iaitu ke sekolah atau institusi berjadual.

Katanya, bagi remaja yang akan menduduki peperiksaan utama dan bersekolah di sekolah asrama penuh atau asrama harian, janji temu dos pertama vaksin COVID-19 akan diberikan di klinik atau sekolah yang berhampiran tempat tinggal mereka, manakala vaksin dos kedua akan diberi di sekolah.

Selain itu, remaja dengan komorbid perlu mendapatkan vaksinasi di hospital atau klinik kesihatan yang merawat mereka.

Mereka yang gagal hadir semasa janji temu di sekolah, akan diberi janji temu di klinik kesihatan swasta yang berdekatan melalui aplikasi MySejahtera.

Mengulas lanjut, Dr Noor Azmi, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan 1 berkata, bagi remaja yang menuntun di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS) dan berusia bawah 18 tahun, mereka dibenarkan untuk walk-in di semua PPV sedia ada dengan hanya menunjukkan pengenalan diri sebagai pelajar IPTA atau IPTS.

"Ibu bapa atau penjaga perlu hadir bersama untuk menandatangani borang kebenaran vaksinasi mereka.

"Bagi pelajar yang sudah mendapatkan tarikh vaksinasi di sekolah, mereka perlu mengekalkan janji temu sedia ada di PPV sekolah yang ditetapkan dan tidak dibenarkan ke PPV Awam atau Integrasi," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, bagi mengelakkan kesesakan di PPV, hanya ibu atau bapa atau penjaga dibenarkan menemani remaja untuk tujuan vaksinasi.

"Ibu bapa juga dinasihatkan supaya memastikan anak mereka mendapat rehat pada malam sebelumnya, bersarapan pagi dan mengambil air secukupnya sebelum ke PPV.

"Ibu bapa juga perlu mengawasi remaja supaya tidak melakukan aktiviti lasak bagi tempoh tujuh hari selepas vaksin," katanya.



Dr Noor Azmi Ghazali

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

KKM komited selesai isu doktor kontrak

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan meneliti semua isu berkaitan pegawai kesihatan lantikan kontrak serta berusaha mencari penyelesaian interim, diikuti penyelesaian yang lebih baik.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menyatakan komitmen itu selepas mengadakan pertemuan bersama Sekretariat Gerakan Hartal Doktor Kontrak tengah hari semalam.

"Beberapa perkara telah dibangkitkan termasuk kaedah

penilaian prestasi bagi perjawatan tetap, peluang lanjutan pengajian dan masa hadapan kerjaya mereka.

"Saya telah berikan komitmen kepada mereka bahawa Kementerian akan melihat setiap isu yang dibangkitkan serta akan berusaha mencari titik penyelesaian interim dan seterusnya ke arah penyelesaian yang lebih baik," katanya dalam hantaran Facebook, semalam.

Pertemuan secara maya itu

turut disertai Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohd Shafiq Abdullah dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Pada 26 Julai lalu, ratusan doktor kontrak menyertai perhimpunan aman Gerakan Hartal Doktor Kontrak bagi mengetengahkan beberapa tuntutan kepada kerajaan.

Perhimpunan berkenaan berlalu serentak di semua fasiliti

kesihatan di seluruh negara mendesak kerajaan menyerap doktor kontrak menjadi pengamal perubatan tetap di Kementerian.

Sebelum itu, kerajaan mengumumkan kumpulan itu akan ditawarkan lanjutan kontrak dua tahun serta beberapa kemudahan termasuk melanjutkan pelajaran dengan penajaan.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 23,000 pegawai perubatan, pergigian dan farmasi yang dilantik secara kontrak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Hampir 80% populasi dewasa lengkap vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 18,648,795 individu atau 79.6 peratus daripada populasi dewasa di negara ini melengkapkan suntikan vaksin Covid-19 setakat kelmarin, menurut portal COVID-NOW.

Selain itu, 93.1 peratus atau 22,097,565 individu daripada populasi dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi harian pula, sebanyak 289,618 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin membabitkan 94,145 dos pertama dan 195,473 dos lengkap, men-

jadikan jumlah kumulatif pemberian dos vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) adalah sebanyak 40,664,674 dos.

Pick dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik Covid-19 di seluruh negara.

Sementara itu, portal berkenaan memaklumkan terdapat pertambahan 301 kes maut akibat Covid-19 dilaporkan setakat 11.59 malam 20 September lalu, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian di negara ini kini 23,744. - Bernama

Angka korban cecah 23,744 kes

Putrajaya: Sejumlah 301 kes kematian berpunca Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan 108 kes berlaku dalam tempoh 24 jam.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui portal COVIDNOW memaklumkan, daripada jumlah berkenaan, 193 kes lagi adalah kes kematian tertunggak, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini adalah sebanyak 23,744 kes.

Turut dimaklumkan terdapat 92 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) menjadikan sebanyak 4,564 kes pesakit Covid-19 yang

meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Secara keseluruhannya termasuk kes kematian tertunggak, Lembah Klang mencatatkan kes kematian tertinggi membabitkan 143 kes, disusuli Johor (52), Kelantan (23) dan Pulau Pinang (22).

Selain itu, Sabah merekodkan 19 kematian, Perak (15), Sarawak (8), Kedah (6), masing-masing empat kes di Pahang dan Terengganu, Melaka (3) serta masing-masing satu kes di Perlis dan Negeri Sembilan.



MD Fiah (tiga dari kiri) ketika membuat tinjauan pemberian vaksin kepada pelajar di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Dato Bahaman Shamsudin, Kuala Pilah, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

142 guru belum sedia

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan mengenal pasti 142 guru di negeri ini yang belum bersedia untuk menerima suntikan vaksin Covid-19.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Md Fiah Md Jamin berkata, jumlah itu hanya membabitkan 1.08 peratus berbanding jumlah keseluruhan guru berkhidmat di negeri ini.

"Kami mempunyai kira-kira 17,459 guru di seluruh Negeri Sembilan. Hanya 142 yang belum bersedia untuk mengambil vaksin

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan buat perjumpaan bersama pendidik enggan divaksin



"Kami mempunyai kira-kira 17,459 guru di seluruh Negeri Sembilan. Hanya 142 yang belum bersedia untuk mengambil vaksin"

Md Fiah Md Jamin

dengan memberikan alasan peribadi seperti mempunyai penyakit atau mengalami alahan.

"Sebelum ini kami ada membuat perjumpaan secara dalam talian dan bersemuka dengan guru terbabit. Belum sampai untuk berjumpa dengan pihak atasan," katanya ketika sidang media sejourus membuat tinjauan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Dato Bahaman Shamsudin di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya yakin semangat pendidik yang ada dalam diri guru akan melembutkan hati mereka untuk menerima suntikan vaksin pada masa akan datang.

Mengulas mengenai ibu bapa yang mungkin tidak membenarkan anak mereka kembali ke sekolah, Md Fiah berkata, penjaga atau ibu bapa diminta mengemukakan alasan dan bukti.

"Kalau mereka (ibu bapa) masih tidak yakin untuk hantar anak ke sekolah, kami masih ada kelonggaran.

"Maknanya jika betul-betul tidak yakin, boleh kemukakan surat alasan dan kami tiada apa-apa tindakan. Apabila sudah yakin, boleh hantar anak ke sekolah," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19

Kluang: Seramai 6,574 pelajar berusia 16 dan 17 tahun di daerah ini layak menerima suntikan vaksin Covid-19 di enam dewan serbaguna sekolah yang disediakan menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Pegawai Daerah Kluang merangkap Pengerusi Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) Daerah Kluang Jamaludin A Hamid berkata, proses suntikan berkenaan berlangsung secara berperingkat bermula kelmarin hingga 1 Oktober ini.

Kata beliau, ibu bapa atau penjaga pelajar akan dimaklumkan mengenai janji te-

6,574 pelajar di Kluang layak terima suntikan vaksin

mu anak mereka sekurang-kurangnya sehari sebelum suntikan dan dikehendaki menemani anak masing-masing pada tarikh yang ditetapkan.

"Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abdul Jalil, SMK Tengku Aris Bendahara, SMK Jalan Kota Tinggi, SMK Bandar T6 serta SMK Cannossian Convent akan diberi suntikan vaksin Covid-19 di PPV SMK Abdul Jalil pada 20 hingga 23 Sep-

tember ini.

"Ia juga membabitkan pelajar SMK Jalan Mengkibol, SMK Seri Sembrong, SMK LKTP Belitong, SMK Tun Hussein Onn, Kolej Vokasional Kluang, Seri Jubli International School dan Sekolah Menengah Chong Hwa," katanya pada sidang media di Pejabat Daerah Kluang di sini, semalam.

Manakala pelajar SMK Kahang dan SMK Felda Kahang Timur akan menerima suntikan di dewan se-

kolah masing-masing.

Pelajar Sekolah Tinggi Kluang (STK), SMK Sri Laila, SMK Taman Kluang Barat, SM Agama Arabiah, SM Sains Johor, SM Sains Sembrong, SBP Luar dan SM Agama Kerajaan Johor pula akan menerima suntikan di PPV STK pada 25 September.

"Pelajar SMK Seri Intan, SMK Taman Seri Kluang, SMK Seri Perdana pula akan menerima suntikan di PPV STK pada 26 September,"

katanya.

Beliau berkata, seterusnya, temu janji suntikan bagi pelajar SMK Seri Intan, SMK Taman Seri Kluang dan SMK Seri Perdana akan dilaksanakan di PPV STK pada 26 September.

"Pada 27 September, pelajar SMK Dato' Abdul Rahman Andak, SM Islam As Syddiq dan SMK Seri Machap akan menerima suntikan di PPV SMK Simpang Renggam.

"Ia juga membabitkan pelajar SMK Simpang Renggam serta SMK Dato' Ibrahim Majid pada 28 November, juga di PPV SMK Simpang Renggam," katanya.

Manakala pada 29 September, pelajar SMK Dato' Haji Hassan Yunos dan SMK Layang-Layang akan menerima suntikan di PPV SMK Dato' Haji Hassan Yunos.

Pelajar SMK Paloh dan SMK Seri Kota Paloh pula akan mengambil suntikan di PPV SMK Paloh pada 1 Oktober.

Sementara itu, Jamaludin berkata, bagi mereka yang berusia sama dan sudah tidak bersekolah, mereka dipelawa untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah bagi mengaturkan temu janji suntikan vaksin di luar klinik kesihatan di sekitar daerah ini.

Oleh Balqis Jazimah Zahari
 am@hmetro.com.my

Batu Gajah

"Saya baru beli 'hanfu' (pakaian tradisional masyarakat Tionghua) ini dan terus memakainya untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19," kata pelajar, Bryan Ng Chee Hong.

Ng, 17, yang juga pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tronoh di sini, ditemui di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah di sini, semalam.

Terdahulu, 1,500 pelajar tingkatan empat dan lima hadir ke PPV berkenaan sama ada menerusi janji temu aplikasi MySejahtera atau secara jumpa terus semalam, untuk menerima suntikan vaksin itu.

Ng menjadi antara kumpulan pertama pelajar yang hadir menerima suntikan vaksin di Dewan Bandaran Kinta di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Remaja (Pick Remaja). "Saya sangat teruja untuk menerima suntikan vaksin

Pelajar teruja ambil vaksin

Calon SPM pakai pakaian tradisional masyarakat Tionghua ke PPV sempena Festival Kueh Bulan

Covid-19.

"Saya juga memakai hanfu kerana mahu memeriahkan sambutan Festival Kueh Bulan hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui di PPV berkenaan.

Anak bongsu daripada tiga beradik itu akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Nuradlina Batrisyia Mohd Jamil, 16, dari SMK Tarcisian Convent, Ipoh berkata, dia bangun jam 5 pagi untuk segera bersiap pergi ke pusat vaksin berkenaan.

"Mula-mula memang rasa gementar. Bagaimanapun, saya gembira kerana selepas

ini, saya dapat ke sekolah semula.

"Belajar di sekolah bersama rakan serta guru juga lebih menyeronokkan," katanya.

Bagi Syazwani Mahiyuddin, 16, dari SMK St Bernadette's Convent, Batu Gajah, dia memang mahu di-suntik sebagai usaha melindungi diri daripada Covid-19.

"Saya harap rakan lain turut datang ke mana-mana PPV untuk menerima suntikan ini kerana ia bukan saja untuk melindungi kita malah rakan di seko-

lah," katanya.

Sementara itu, bapa pelajar, Syed Nor Hisham Syed Abdul Rahman, 49, memuji inisiatif pelaksanaan Pick Remaja kerana ia dapat mewujudkan persekitaran lebih selamat kepada pelajar.

"Ia melegakan ibu bapa kerana selepas ini, pelajar boleh melakukan aktiviti di sekolah dengan lebih bebas seperti bersukan dan lain-lain," katanya.

"Vaksin bukan saja untuk melindungi kita malah rakan di sekolah"
 Syazwani

'Bangun awal untuk ke PPV'

Kuala Pilah: "Ini memang saat ditunggu-tunggu kerana selama ini saya hanya membaca pelbagai berita di media sosial mengenai vaksin Covid-19," luah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Za'ba, Ainul Nadihah Zulkifli, 16, yang menerima suntikan vaksin semalam.

Pelajar tingkatan empat itu berkata, dia dan rakan teruja dan tidak sabar menunggu hari untuk divaksin selepas mendapat tahu pengumuman kerajaan.

"Sejak kerajaan membuat pengumuman vaksin akan mula diberikan kepada pelajar, topik mengenai vaksinasi menjadi perbincangan hangat dalam kalangan pelajar termasuk dalam kumpulan WhatsApp.

"Walaupun tular pelbagai maklumat mengenai vaksin di media sosial, namun saya yakin tindakan mengambil vaksin adalah keputusan tepat," katanya ketika ditemui di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Dato Bahaman Shamsudin, di sini, semalam.

Ainul Nadihah berkata, proses pembelajarannya kekal akan menjadi lebih senang jika pelajar dibenarkan ke sekolah selepas mengambil vaksin.

"Ketika ini kami belajar menerusi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDR) yang ia agak rumitkan apabila kami perlu menggunakan komputer dan capaian internet. Tidak semua pelajar mempunyai kemudahan itu," katanya.

Sementara itu, pelajar tingkatan lima SMK Za'ba, Muhammad Afiq Zaharudin, 17, berkata, proses vaksinasi terhadap pelajar terutama membabitkan calon



Walaupun tular pelbagai maklumat mengenai vaksin di media sosial namun saya yakin tindakan mengambil vaksin adalah keputusan tepat"


Ainul Nadihah Zulkifli

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah usaha yang positif daripada kerajaan. "Saya bangun awal untuk datang ke PPV ditemani ibu bapa.

Memang tidak sabar untuk disuntik vaksin," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Md Fiah Md Jamin berkata, seramai 15,800 pelajar berusia 16, 17 dan 18 tahun di seluruh negeri ini termasuk yang belajar di sekolah di luar Negeri Sembilan akan diberikan vaksin.

"Sebanyak 44 PPV di seluruh Negeri Sembilan terlibat dalam proses vaksinasi terhadap pelajar dan kebanyakannya menggunakan dewan sekolah," katanya.



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir menunggu giliran bagi menerima suntikan vaksin di PPV Dewan Bandaran Kinta, semalam.



Ng memakai hanfu ke PPV bagi menerima suntikan vaksin di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah, semalam. Gambar NSTP BALQIS JAZIMAH ZAHARI

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Penggunaan kemudahan katil di hospital, unit rawatan rapi (ICU) dan alat bantuan pernafasan menunjukkan perkembangan positif apabila berada pada kadar bawah 80 peratus tahap penggunaannya.

Menerusi infografik dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam, kadar penggunaan wad ICU kini berada di tahap 75.2 peratus manakala katil di hospital ialah 70.4 peratus.

Peratusan itu dilihat semakin menurun iaitu sekitar 50.3 peratus bagi kadar penggunaan alat bantuan pernafasan di negara ini serta di pusat kuarantin iaitu pada tahap 58.3 peratus.

Namun mengikut pecahan bagi setiap negeri, lima negeri mencatatkan penggunaan wad ICU melebihi 80 peratus iaitu Kedah sebanyak 97.5 peratus, disusuli Johor (93 peratus), Pulau Pinang (92.4 peratus), Perak (83.6 peratus) dan Terengganu (82.1 peratus).

Bagi penggunaan katil di hospital, terdapat lima negeri yang melaporkan pe-

Kadar penggunaan katil di hospital, ICU bawah 80%



PENGUNAAN wad ICU kini berada di tahap 75.2 peratus manakala katil di hospital ialah 70.4 peratus.

ratusan melebihi 80 peratus kadar penggunaannya iaitu 89.9 peratus dicatatkan di Johor, diikuti Perlis (89.1 peratus), Pulau Pinang (83.6 peratus), Kelantan (82.7 peratus) serta Terengganu (81.6 peratus).

Penggunaan pusat kuarantin pula melihat Johor menjadi negeri tertinggi iai-

tu 85.1 peratus kadar penggunaannya disusuli Pahang (79 peratus) dan Kelantan (69.6 peratus).

Perak pula menjadi negeri tertinggi kadar penggunaan alat bantuan pernafasan iaitu 78.5 peratus serta Kedah (77.6 peratus), Pulau Pinang (75.2 peratus) dan Kelantan (70.5 peratus).

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

OLEH SYALMIZI HAMID, MOHD. HUSNI MOHD. NOOR, TOREK SULONG, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF, NOR AINNA HAMZAH

Pihak sekolah akan mengeluarkan jadual suntikan vaksin mengikut giliran

Remaja boleh walk-in di 156 PPV

PUTRAJAYA – Pemberian suntikan vaksin Covid-19 kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun akan dilaksanakan di 156 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan Integrasi di seluruh negara secara kaedah jumpa terus (*walk-in*) berjadual bermula esok.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, agihan vaksin akan dilaksanakan secara kaedah *walk-in* berjadual iaitu mengikut lokasi sekolah yang berhampiran dengan PPV yang dikenal pasti.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Imunisasi Covid-19 Remaja (CITF-A) berkata, pemberian vaksin akan dilaksanakan mengikut giliran serta tarikh dan masa yang ditetapkan.

"Manakala, jadual pemberian vaksin pula akan dikeluarkan pihak sekolah masing-masing kepada remaja dan ibu bapa.

"Bagi remaja yang telah mendapat tarikh vaksinasi di PPV Sekolah, kumpulan pelajar ini perlu mengekalkan janji temu sedia ada di PPV Sekolah yang telah ditetapkan dan tidak dibenarkan *walk-in* ke PPV Awam atau Integrasi," katanya menerusi satu



PARA pelajar yang menerima suntikan vaksin Covid-19 di PPV Dewan Dato' Bahaman, Kuala Pilah, semalam turut ditemani ibu bapa dan penjaga masing-masing. – MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

kenyataan semalam.

Noor Azmi berkata, bagi remaja yang tidak bersekolah pula, mereka dibenarkan untuk *walk-in* di mana-mana 156 PPV yang

berdekatan dengan kediaman masing-masing.

Menurut beliau, sekiranya kuota vaksin di PPV tersebut telah habis untuk hari berkenaan,

mereka akan diberi janji temu di PPV yang sama keesokan hari atau di klinik kesihatan swasta yang berdekatan.

"Remaja yang menuntut di

institusi pengajian tinggi awam atau swasta (IPTA/IPPTS) yang berusia di bawah 18 tahun dibenarkan *walk-in* ke semua PPV yang masih beroperasi pada ketika ini dengan menunjukkan pengenalan diri sebagai pelajar IPTA/IPPTS," katanya.

Katanya, ibu bapa atau penjaga perlu hadir bersama untuk menandatangani borang kebenaran vaksinasi anak masing-masing.

Beliau berkata, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja telah dimulakan secara rasmi kelmarin dan menyasarkan 3.2 juta golongan berusia 12 hingga 17 tahun.

"Sehingga semalam (kelmarin), sebanyak 5,964 buah sekolah telah berdaftar dengan portal Vaksin-Anak-Ku," katanya.

"Setakat kelmarin juga, seramai 308,186 remaja telah menerima dos pertama vaksin Covid-19 dengan Sabah merekodkan bilangan tertinggi iaitu 118,141 orang, diikuti Sarawak (88,473); Kedah (19,453); Kelantan (17,413); Johor (16,019) dan Labuan seramai 2,523," tambahnya.

Ibu bapa ikut berbaris teman pelajar untuk vaksinasi

PETALING JAYA – Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja berjalan lancar di seluruh negara dengan ibu bapa pelajar turut menemani anak masing-masing untuk mendapatkan vaksin semalam.

Di **Pasir Puteh**, belum sempat pengawal keselamatan membuka pintu pagar, ratusan ibu bapa bersama anak mereka sudah berbaris untuk di luar beberapa sekolah menengah di sini yang dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) bermula semalam.

Menurut data Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Puteh, 100 peratus atau 3,624 pelajar berusia 16 dan 17 tahun dari 17 buah sekolah di daerah ini telah mendapat kebenaran ibu bapa masing-masing untuk divaksin.

Di **Kuala Terengganu**, Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, seramai 38,114 pelajar sekolah berusia 16 dan 17 tahun di Terengganu akan menerima vaksin di 56 PPV Sekolah di seluruh negeri bermula semalam.

"Ia turut merangkumi pelajar sekolah swasta, maahad tahfiz dan sekolah berasrama penuh," katanya ketika meninjau hari



SEBAHAGIAN pelajar dan ibu bapa beratur menunggu giliran masing-masing bagi suntikan vaksin dos pertama di PPV SMK Sengal Petal, Pasir Puteh semalam. – TOREK SULONG

pertama PICK Remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, semalam.

Di **Kuala Pilah**, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Md. Fiah Md. Jamin berkata, bagi vaksinasi seramai 15,895 pelajar tingkatan empat, lima dan enam di negeri ini se-

banyak 44 PPV terlibat dalam proses berkenaan.

"Saya ucapkan terima kasih kepada ibu bapa yang memberi kerjasama bagi membolehkan anak mereka divaksin dan anak-anak ini akan pulang semula ke sekolah dengan keyakinan yang tinggi memulakan sesi perse-



PETUGAS kesihatan memberikan suntikan vaksin kepada pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu semalam. – PUQTRA HAIRRY

kolah dalam keadaan selamat," katanya ketika ditemui di PPV Murid Daerah Kuala Pilah di Dewan Dato' Bahaman semalam.

Di **George Town**, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, pada Khamis bermula pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari, sesi vaksinasi membabitkan pelajar

sekolah tanpa komorbid akan dibuat di enam PPV.

"Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun dengan komorbid pula, janji temu vaksinasi akan dijalankan di hospital-hospital terdekat dan akan dimaklumkan menerusi aplikasi MySejahtera," kata beliau.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Malaysia capai 80 peratus populasi sudah divaksin

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan tahniah kepada semua pihak ekoran kadar vaksinasi negara mencapai 80 peratus populasi dewasa semalam.

Beliau menerusi satu hantaran di Facebook berkata, kejayaan tersebut adalah hasil daripada pengorbanan semua pihak bagi mendapatkan vaksin Covid-19.

"Hasil pengorbanan para frontliners dan sokongan jitu seluruh Keluarga Malaysia dalam mendapatkan vaksin, tidak mengira tua atau muda, baik yang di kota, juga yang di desa, kadar vaksinasi negara akhirnya telah mencapai 80 peratus populasi.

"Tahniah ini adalah kejayaan kita semua!" katanya semalam.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam satu ciapan di Twitter berkata, pada pukul 1 tengah hari semalam, negara berjaya mencapai sasaran 80 peratus penduduk

dewasa lengkap divaksinasi.

"Walaupun, sasaran awal adalah 80 peratus populasi dewasa, sekarang JKJAV (Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19) akan berusaha untuk menjejaki 20 peratus lagi yang belum atau enggan divaksinasi," ciapnya.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bermula pada 24 Februari lalu dengan fasa pertama menyasarkan untuk memvaksin kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan antara hujung Februari hingga April lalu.

Fasa kedua PICK pula memabitkan kira-kira 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas dan golongan berisiko tinggi bermula April hingga Ogos lalu.

Bagi fasa ketiga pula, bermula Mei disasarkan untuk sekitar 13.7 juta penduduk di Malaysia berumur 18 tahun ke atas, sama ada rakyat tempatan atau warga asing.



INDIVIDU lengkap vaksinasi kini diberi kelonggaran untuk dine-in di kedai makan. – FARIZ RUSADIO

Alatan tersebut bukan pengganti disinfeksi manual

Penyembur nano mist 'tidak praktikal'

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan bahawa penggunaan alat semburan nano mist bagi tujuan disinfeksi tidak menggantikan keperluan nyahkuman permukaan secara manual.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, nano mist spray mula mendapat perhatian umum untuk digunakan sebagai alat disinfeksi bagi mengekang penularan Covid-19 sejak kebelakangan ini.

"Ini kerana ramai beranggapan bahawa penggunaan alat tersebut berupaya menghapuskan virus di udara dan di permukaan.

"Bagaimanapun, keberkesanan penggunaan nano mist spray untuk disinfeksi bergantung kepada keupayaan alat tersebut untuk menghasilkan semburan yang sekata pada permukaan, jenis dan kepekatan larutan disinfeksi digunakan serta tempoh masa pendedahan," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Nano mist spray adalah alat penyembur yang boleh menghasilkan titisan halus bersaiz nano dan digunakan bagi pelbagai tujuan termasuk kosmetik, wangian dan pelbagai kegunaan



ALAT semburan nano mist yang banyak dijual di pasaran dalam negara tidak menggantikan keperluan nyahkuman permukaan secara manual. – GAMBAR HIASAN

domestik serta industri bergantung kepada spesifikasi alat dan jenis cecair digunakan.

Beliau berkata, secara umumnya, beberapa larutan disinfeksi sedia ada seperti larutan mengandungi alkohol 70 hingga 90 peratus, hydrogen peroxide, thymol, quarternary ammonia dan juga larutan berasaskan klorin berkesan bagi membunuh virus SARS-CoV-2 di permukaan.

"Senarai larutan disinfeksi yang berkesan untuk SARS-

CoV-2 boleh diperolehi di laman sesawang US Environmental Protection Agency yang menjadi rujukan seluruh dunia.

Larutan disinfeksi yang dinyaikan itu bertujuan untuk nyahkuman di permukaan persekitaran dan tidak sesuai digunakan secara langsung ke atas manusia.

"Ini adalah kerana, sesetengah larutan disinfeksi ini boleh menyebabkan iritasi pada mata, kulit, saluran pernafasan dan juga sistem pencernaan," katanya.

Sarawak paling ramai dijangkiti, 301 kematian kelmarin

PUTRAJAYA – Sarawak kekal menjadi negeri tertinggi menyumbang jumlah jangkitan Covid-19 negara apabila mencatatkan 3,732 kes semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah tersebut menyumbang kepada jangkitan harian sebanyak 15,759 kes menjadikan keseluruhan kes sebanyak 2,127,934 kes.

Menurutnya, ia diikuti oleh Johor yang mencatatkan 1,959 kes dan Selangor (1,934 kes).

"Seterusnya, Pulau Pinang (1,417 kes), Kelantan (1,338 kes), Sabah (1,291 kes), Perak (1,184 kes), Kedah (786 kes), Pahang (707 kes), Terengganu (592 kes), Kuala Lumpur (359 kes), Melaka (264 kes) dan Negeri Sembilan (127 kes).

"Putrajaya (34 kes), Perlis (23 kes) dan Labuan (12 kes)," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Dalam pada itu, sebanyak 301 kes kematian Covid-19 dilaporkan kelmarin menurut data yang dipaparkan di laman web COVIDNOW semalam.

Maklumat yang dikemas kini pukul 11.59 malam kelmarin itu menyebut, data itu termasuk 108 kes kematian Covid-19 bagi purata tempoh tujuh hari.

"Angka itu menjadikan jumlah kes kematian di seluruh negara sebanyak 23,744 kes.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	15,759
Import:	27
Tempatan:	15,732
Pulih	16,650

• Jumlah kes sembuh 1,897,386

Jumlah kes keseluruhan 2,127,934

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 92 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) dengan kes kumulatif BID sebanyak 4,564 kes," katanya semalam.

Kesemua kes kematian itu dilaporkan di Selangor (130), Johor (52), Kelantan (23), Pulau Pinang (22), Sabah (19), Perak (15), Kuala Lumpur (13), Sarawak (8), Kedah (6), Pahang (4), Terengganu (4), Melaka (3), Negeri Sembilan (1) dan Perlis (1).

Sebanyak 207,698 kes aktif melibatkan 172,648 kes dikuarantin di rumah, 22,575 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC); 11,321 kes di hospital; dan 633 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan bantuan pernafasan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Capai imuniti kelompok lebih awal

80 peratus penduduk dewasa lengkap terima dua dos vaksin

Oleh TUAN BUQHAIHAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Selepas hampir lapan bulan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Malaysia mencatat sejarah apabila mencapai imuniti kelompok dengan 80 peratus penduduk dewasa lengkap divaksin.

Perkara itu dikongsi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi ciapannya di Twitter.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?



“Tahniah! Malaysia mencapai 80 populasi dewasa negara telah lengkap divaksinasi,” katanya pada Selasa.

Sebelum ini, negara dijangka mencapai imuniti kelompok pada akhir tahun ini namun usaha dan gerak kerja yang dilakukan kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak berjaya ‘menuai hasil’ lebih awal dari sasaran.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan



ISMAIL SABRI

Vaksin Covid-19 (JKVAV), sehingga jam 11.59 malam Isnin, 79.6 peratus populasi dewasa telah lengkap dos vaksinasi Covid-19.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, walaupun sasaran awal 80 peratus populasi dewasa telah dicapai, JKJAV akan terus berusaha menjejaki 20 peratus lagi yang belum dan enggan divaksinasi.

“Pada jam 1300hrs (1 petang) hari ini (Selasa), Malaysia telah mencapai sasaran 80 peratus penduduk dewasa lengkap divaksinasi,” kata beliau.

Kerajaan kini sedang mempergiat vaksinasi terhadap remaja berusia 12 hingga 17 tahun di seluruh negara bermula



80 peratus penduduk dewasa di Malaysia sudah lengkap divaksinasi bagi membolehkan negara kini mencapai imuniti kelompok.

Isnin lalu dengan menyasarkan 3.2 juta golongan remaja memberi suntikan vaksin.

Langkah itu sebagai perediaan pembukaan sekolah bagi

memastikan risiko jangkitan di sekolah dapat dikurangkan sekaligus mencegah kejadian kluster dan kes dalam kalangan warga sekolah.

Vaksin remaja secara walk-in mula esok

PUTRAJAYA - Proses pemberian vaksin kepada remaja akan dilaksanakan secara walk-in berjadual bermula Khamis ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan, langkah itu bagi mempercepatkan lagi proses pemberian vaksin kepada golongan tersebut.

“Jawatankuasa Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 Remaja (CITF-A) telah mengenalpasti 156 pusat pemberian vaksin (PPV) awam dan integrasi di seluruh negara bagi tempoh peralihan ini bertujuan meningkatkan kapasiti pemberian vaksinasi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja secara walk-in,” katanya.

Menurutnya, pelaksanaan kaedah itu juga akan dilakukan mengikut lokasi sekolah yang berhampiran dengan PPV dan mengikut giliran, tarikh serta masa ditetapkan.

“Jadual akan dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada remaja dan ibu bapa,” katanya.

Beliau memberitahu, pemberian vaksin itu melibatkan semua kategori remaja termasuk yang tidak bersekolah.

“Bagi remaja yang tidak bersekolah, mereka dibenarkan untuk walk-in di mana-mana 156 PPV berdekatan dengan kediaman.

“Sekiranya kuota vaksin di PPV ter-



DR NOOR AZMI

Jadual akan dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada remaja dan ibu bapa.”

sebut telah habis untuk hari tersebut, remaja berkenaan akan diberi janji temu di PPV sama kesokan hari atau di klinik kesihatan swasta yang berdekatan,” katanya.

Dr Noor Azmi yang juga Pengerusi CITF-A memberitahu, remaja yang menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta berumur di bawah 18 tahun juga dibenarkan walk-in ke semua PPV yang masih beroperasi ketika ini dengan menunjukkan pengenalan diri sebagai pelajar.

Bagaimanapun menurut beliau, ibu bapa atau penjaga perlu hadir bersama untuk menandatangani borang kebenaran vaksinasi mereka.

Bagi remaja yang telah mendapat tarikh vaksinasi di PPV sekolah, beliau berkata, kumpulan pelajar ini perlu mengekalkan janji temu sedia ada dan tidak dibenarkan walk-in ke PPV awam atau integrasi.

“Sebagai langkah mengelakkan kesesakan di PPV, hanya salah seorang ibu atau bapa atau penjaga dibenarkan menemani remaja untuk tujuan vaksinasi,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 11
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Semburan kabus nano boleh sebabkan iritasi

Beberapa larutan disinfeksi sedia ada tidak sesuai digunakan secara langsung ke atas manusia

Oleh TUAN BUQHAIRAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



DR NOOR HISHAM

Penyemburan disinfeksi melalui kabus nano (mist) tidak mampu menggantikan keperluan disinfeksi permukaan secara manual untuk membunuh virus SARS-CoV-2 pada permukaan, tegas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, beberapa larutan disinfeksi sedia ada tidak sesuai digunakan secara langsung ke atas manusia.

"Hal demikian adalah kerana sesetengah larutan disinfeksi boleh menyebabkan iritasi pada mata, kulit, saluran pernafasan dan sistem pencernaan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, ramai beranggapan penggunaan alat ini berupaya menghapuskan virus di udara dan pada permukaan.

"Keberkesanan penggunaan semburan kabus nano untuk disinfeksi bergantung kepada keupayaan alat tersebut untuk menghasilkan semburan yang sekata pada permukaan, jenis dan kepekatan larutan disinfeksi yang digunakan, serta tempoh masa pendedahan," katanya.

Beliau berkata, buat masa ini terdapat beberapa larutan disinfeksi yang mengandungi alkohol



Semburan kabus nano tidak mampu ganti kaedah pembersihan permukaan secara manual.

70 hingga 90 peratus, hidrogen peroksida, timol, quarternari amonia dan larutan berasaskan klorin berkesan bagi membunuh virus SARS-CoV-2 di permukaan.

"Senarai larutan berkesan untuk SARS-CoV-2 boleh diperolehi di laman sesawang US Environmental Protection Agency <https://www.epa.gov/coronavirus/about-list-of-disinfectants-coronavirus-covid-19-0> yang menjadi rujukan seluruh dunia," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah mengeluarkan garis panduan untuk pendaftaran

disinfeksi permukaan yang boleh dicapai melalui https://www.npra.gov.my/images/Guidelines_Central/surface-disinfectant/Revision_1_Guideline_for_Registration_of_Surface_Disinfectant.pdf.

"Garis panduan ini turut menerangkan keperluan pelabelan disinfeksi.

"Selain daripada itu, laporan penilaian ke atas pelbagai kaedah disinfeksi untuk mencegah penularan Covid-19 boleh dicapai melalui <https://covid-19.moh.gov.my/kajian-dan-penyelidikan/mahtas-covid-19-rapid-evidenceupdates>," katanya.

Kes baharu positif Covid-19 meningkat semula

KUALA LUMPUR - Kes Covid-19 di Malaysia meningkat pada Selasa kepada 15,759 kes selepas lima hari berturut-turut mencatatkan trend penurunan dengan pada Isnin merekodkan 14,345 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam hantaran menerusi akaun Twitter beliau memaklumkan Sarawak mencatat kes tertinggi pada Selasa dengan 3,732 kes diikuti Johor (1,959), Selangor (1,934) dan Pulau Pinang (1,417).

"Tiga negeri lagi yang mencatat kes Covid-19 melebihi 1,000 kes ialah Kelantan (1,338), Sabah (1,291) dan Perak (1,184)," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham, enam negeri merekodkan kes Covid-19 tiga angka pada Selasa iaitu Kedah (786), Pahang (707), Terengganu (592), Kuala Lumpur (359), Melaka (264) dan Negeri Sembilan (127).

Sementara itu, Putrajaya, Perlis dan Labuan mencatat kes dua angka dengan masing-masing 34, 23 dan 12 kes.

Dr Noor Hisham berkata, kes sembul pada Selasa mencatatkan 16,650 menjadikan kumulatif kes kepada 1,897,386.

"Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) pula sebanyak 1,117 kes dengan 635 memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 23 kluster baharu dicatatkan menjadikan jumlah keseluruhan 5,328 kluster dengan 1,315 kluster masih aktif," katanya. - Bernama

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LAPORAN KHAS

Sindrom Long Covid boleh membunuh

Jika bekas pesakit Covid-19 tidak memeriksa atau memandang ringan akan gejala yang dihadapi

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY

SHAH ALAM

Kita sering mendengar dan diberi pengetahuan mengenai penyakit Covid-19 sejak pandemik ini melanda negara sejak tahun lalu namun mungkin ramai masih belum memahami sindrom Long Covid atau Post Covid yang dihadapi bekas pesakit ini.

Long Covid adalah kesan jangka panjang yang dihadapi oleh individu yang dijangkiti wabak Covid-19.

Bagi mereka yang menghadapi gejala ini, ada yang masih keliru atau tidak yakin bahawa mereka mempunyai sindrom Long Covid sehingga menimbulkan pelbagai persoalan tentang apa yang patut mereka lakukan.

Malah, angka mereka yang mengalami sindrom Long Covid juga meningkat apabila terdapat 12,654 individu pernah dijangkiti Covid-19 disyaki mengalami sindrom berkenaan.

Sebelum ini juga, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan bekas pesakit telah diberi janji temu untuk rawatan susulan bagi memantau dan merawat sindrom tersebut.

Pegawai Kesihatan Jabatan Kecemasan, Hospital Columbia Asia di Cheras, Dr Malar Santhi Santherasegapan berkata, sindrom Long Covid boleh membunuh jika pesakit tidak diperiksa dan memandang ringan simptom berkenaan.

"Sindrom Long Covid boleh membunuh kerana ia mempunyai keadaan di mana pesakit boleh mendapat Pulmonary Embolism (PE) atau darah beku yang masuk ke saluran sehingga menyebabkan kematian secara tiba-tiba.

"Contohnya, selepas dijangkiti Covid-19, pesakit mem-



Pesakit yang menghidap penyakit komorbid seperti kencing manis, darah tinggi dan jantung boleh menyebabkan gejala Covid-19 dan sindrom Long Covid menjadi ketara berbanding pesakit lain.



Hospital Columbia Asia di Cheras antara hospital swasta yang mempunyai klinik khas untuk membantu bekas pesakit Covid-19 mengubati sindrom Long Covid yang mereka alami.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

punya darah tinggi namun dia merasakan bahawa ia hanyalah sakit kepala. Namun apabila tiba di hospital, dia sudah tidak sedarkan diri akibat pendarahan di dalam kepala. Keadaan begitu pernah berlaku dan disebabkan itu, Long Covid perlu diberi perhatian," katanya.

Gejala

Dr Malar Santhi berkata, sindrom Long Covid merupakan gejala yang merangkumi pelbagai sistem dalam tubuh badan dan semua kategori satu hingga lima boleh mengalaminya di mana pada kebiasaannya ia akan melibatkan gangguan kepada sistem pernafasan pesakit.

"Yang pertama, ia akan mengganggu sistem pernafasan apabila mereka boleh mendapat selesema, kahak, batuk berpanjangan, sakit tekak, sesak nafas, semput dan cepat penat apabila berjalan dengan cepat.

"Jantung pula berdebar-debar, tekanan darah lebih tinggi atau lebih rendah daripada biasa sebelum serta jangkitan, mempunyai radang di jantung, dan degupan jantung tidak normal," katanya.

Tambahnya, pesakit juga mempunyai masalah berkaitan dengan sistem pemakanan dan penghadaman, sistem saraf malah hilang deria bau dalam jangka masa yang panjang.

"Pesakit mungkin mengalami cirit-birit, loya, muntah, kembung perut, sebu dan kurang selera ma-



DR MALAR SANTHI

Sindrom Long Covid boleh membunuh kerana ia mempunyai keadaan di mana pesakit boleh mendapat Pulmonary Embolism (PE) atau darah beku yang masuk ke saluran yang menyebabkan kematian secara tiba-tiba."

kan. Terdapat juga pesakit mengalami penyakit melibatkan sistem saraf yang berkaitan dengan otak dan mental seperti sukar untuk tidur, rasa takut dan sedih secara tiba-tiba, susah fokus, cepat lupa dan sawan.

"Namun antara yang perkara paling kerap yang dilaporkan oleh pesakit adalah hilang deria bau. Walaupun sudah sembuh, deria bau masih tidak kembali atau mereka bau benda yang pelik seperti bau arang atau ikan yang hanyir dan gejala ini boleh berlanjutan selama berbulan-bulan," katanya.

Komorbid lebih berisiko

Dr Malar Santhi yang merupakan ikon terkenal di media sosial kerana sering memberi pengetahuan mengenai Covid-19 melalui Celoteh Dr Malar berkata, pesakit yang mempunyai penyakit lain atau komorbid boleh menyebabkan gejala Covid-19 dan sindrom Long Covid menjadi lebih ketara berbanding pesakit lain.

"Contohnya, jika pesakit menghidap asma, keadaan mereka akan menjadi lebih teruk. Mereka akan kerap mendapat serangan asma yang menyebab-

kan rawatan untuk penyakit tersebut diberikan dengan lebih kerap.

"Sama juga seperti masalah kencing manis, darah tinggi atau kegagalan jantung yang sedia ada. Dalam jangka masa Long Covid itu, kebiasaannya mereka akan memerlukan rawatan yang lebih banyak dan pemantauan lebih rapi," katanya.

Tambah beliau, rawatan susulan bagi pesakit yang mempunyai sindrom Long Covid amat disarankan dan penting untuk kesihatan fizikal serta mental sebagai satu bentuk tanda sokongan atau semangat kepada pesakit.

"Jika dalam tempoh 14 hari pertama selepas habis kuarantin dan pesakit masih ada gejala demam, muntah dan cirit-birit, saya sangat menyarankan untuk mereka berjumpa dengan doktor, membuat pemeriksaan yang rapi bagi mendapatkan diagnosis sebenar.

"Ini kerana kita tidak boleh menganggap itu adalah sindrom Long Covid semata-mata kerana kadangkala pesakit demam disebabkan masalah lain seperti denggi dan kita tidak mahu terlepas pandang penyakit lain yang boleh dialami

oleh mereka," katanya.

Selain itu, rawatan susulan juga penting bukan sahaja untuk pemeriksaan fizikal, malah dari segi emosi bekas pesakit Covid-19 yang kebanyakannya terganggu oleh stigma masyarakat terhadap mereka.

"Kita juga tidak mahu mereka bergelut dengan gejala itu seorang diri yang mungkin akan menyebabkan tekanan dan kemurungan.

"Support system itu penting di mana doktor boleh menjelaskan keadaan sebenar pesakit supaya mereka mempunyai keyakinan diri dan kesihatan mental yang lebih mudah untuk dijaga," katanya.

Kaunter khas

Dalam pada itu, Dr Malar Santhi berpandangan bahawa institusi kesihatan setiap daerah dan negeri perlu mempunyai kaunter khas untuk pesakit Long Covid demi membantu mereka membuat pemeriksaan fizikal dan mental dari masa ke masa.

"Untuk pengetahuan, di Hospital Columbia Asia di Cheras, kami mempunyai klinik khas untuk membantu bekas pesakit Covid-19. Ia hasil inisiatif pihak hospital sendiri yang mula beroperasi pada Ogos lalu.

"Saya berpendapat setiap institusi kesihatan setiap daerah dan negeri perlu ada kaunter khas ini namun saya faham institusi kesihatan kerajaan sudah tidak menangan tangan maka hospital swasta atau kementerian lain sepatutnya membuka kaunter sebegini sebagai sokongan kepada bekas pesakit Covid-19," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : LAPORAN KHAS

'Seperti di ambang kematian'

Bekas pesakit kategori lima alami sindrom Long Covid yang teruk

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY

SHAH ALAM

Seorang suri rumah yang merupakan bekas pesakit Covid-19 kategori lima mengalami sindrom Long Covid yang teruk sehingga mengganggu sistem pernafasan seperti sukar bernafas, semput dan kurang oksigen.


Nor Azan Samsu Baharin, 42, berkata, simptom Long Covid yang dialaminya masih berlaku sehingga hari ini walaupun dia dijangkiti Covid-19 pada awal bulan Julai lalu.

"Saya mengalami simptom Long Covid yang agak teruk seperti nafas menjadi singkat dan sering semput. Apabila nafas tak sampai, saya akan mengalami batuk yang teruk dan berpanjangan. Saya juga tidak boleh bercakap terlalu lama di telefon sebab akan cepat semput.

"Selalunya selepas Maghrib, oksigen saya akan menurun. Pada waktu malam, saya memerlukan oksigen dalam satu ke dua jam dan masih bergantung pada bantuan mesin oksigen walaupun tidak kerap.

"Buat masa ini, bacaan oksigen saya paling tinggi adalah 94 atau 95 sahaja," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, gejala Long Covid dialaminya juga memberi perubahan terhadap tubuh badan dan memberi kesan sampingan terhadap aktiviti harian yang dilakukan. "Sekarang ini, tubuh badan saya se-



Tempoh pemulihan daripada Long Covid dijangkakan dalam masa tiga ke lapan bulan bergantung kepada keadaan pesakit.

perti kaki dan tangan lemah. Saya akan menggeletar bila berjalan jauh. Saya hanya boleh memandu semula selepas dua bulan akibat kaki sering menggeletar.

"Aktiviti harian juga terganggu apabila sehingga kini saya masih belum mendapat deria rasa dan bau yang betul ketika makan. Contohnya, jika ada orang menumis masakan, saya tidak boleh bau dan makanan yang saya makan sering terasa pahit atau masin," katanya.

Tambahnya, dia terpaksa menjalani rawatan susulan dan mengambil ubat yang disyorkan oleh doktor bagi memulihkan kesihatannya.

"Doktor akan bekalkan ubat selama tiga bulan seperti ubat radang paru-paru, ubat cair darah, tambah darah dan sebagai-



NOR AZAN

nya. Rawatan susulan juga harus dilakukan seperti pemeriksaan x-ray selepas tiga bulan.

"Doktor memaklumkan masa yang diambil untuk pulih Long Covid ini adalah dalam tiga ke lapan bulan dan tempoh diberi itu belum tentu menjamin kesembuhan.

"Ada yang mengambil masa selama setahun dan masih mengalami komplikasi bergantung kepada keadaan badan masing-masing," katanya.

Nor Azan dijangkiti Covid-19 daripada kontak rapat dan dimasukkan wad Covid-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang selama sebulan di mana oksigennya

hanya berada di tahap 40 ke 50 peratus sahaja.

Beliau juga hampir ditidurkan kerana keadaan paru-paru yang teruk.

Terkesan dengan apa yang dialaminya, dia menasihati semua masyarakat supaya mengambil berat terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Covid-19 amat menyakitkan di mana saya melalui proses pengambilan darah setiap hari, proses memasukkan oksigen serta sakit dalam merupakan pengalaman yang perit. Apabila kita terkena Covid-19, ibaratnya seperti di ambang kematian.

"Sebulan saya duduk di hospital, keadaan kesihatan saya sangat tidak mengizinkan sehingga saya takut dan tidak boleh tidur malam kerana terfikir ajal akan dijemput pada bila-bila masa," katanya.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

Beri kesan kepada kehidupan seharian



NURUL HIDAYAH

SHAH ALAM - Sindrom Long Covid seperti nafas pendek dan sakit kepala merupakan sesuatu yang harus ditanggung oleh kebanyakan bekas pesakit Covid-19.

Nurul Hidayah Zulkarnain, 26, berkata, walaupun sudah lebih tiga bulan bebas daripada Covid-19, dia masih mengalami sindrom Long Covid yang memberi kesan terhadap kehidupan sehariannya.

"Long Covid memang memberi kesan kepada kehidupan dan aktiviti harian saya. Antara simptom yang saya alami adalah masalah pernafasan seperti sesak nafas dan semput. Kalau sejuk disebabkan pendingin hawa atau cuaca hujan, dada saya akan berasa sakit.

"Sejak menghidapi Covid-19, saya juga terlalu kerap sakit kepala. Selain itu, nafas saya menjadi pendek sehingga sukar untuk mengaji atau menghabiskan ayat al-Quran," katanya yang merupakan jurutera pemrosesan data.

Nurul Hidayah yang merupakan seorang yang aktif bersukan dijangkiti Covid-19 kategori tiga pada bulan Mei lalu.

"Saya merupakan seorang yang aktif bersukan namun saya sudah tidak boleh melakukan aktiviti sukan dalam tempoh yang lama.

"Sebelum ini saya boleh melakukan aktiviti zumba tanpa henti selama 45 minit namun kini, saya hanya boleh bertahan selama 10 minit kerana tidak cukup nafas dan sakit dada.

"Jika sebelum ini saya boleh berlari dalam masa satu jam tanpa henti tetapi sekarang saya hanya mampu mencapai tahap 15 minit larian sahaja. Saya sudah mencuba untuk membangkitkan kembali stamina tetapi masih belum berjaya," katanya.

Nurul Hidayah yang berasal dari Sentul, Kuala Lumpur berkata, sejak disahkan positif Covid-19, penyakit semput yang dihidapinya kini semakin teruk sehingga dirinya mengalami serangan asma hampir setiap minggu.

"Saya memang menghidap penyakit asma tetapi sejak dijangkiti Covid-19, ia menjadi semakin teruk. Hampir setiap minggu saya mendapat serangan asma terutamanya ketika waktu sejuk.

"Oleh kerana itu, saya dinasihatkan oleh doktor untuk ambil pam asma setiap hari," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi bekas pesakit Covid-19 kategori dua, Ria Nadia Rahim, 25, berkata, Long Covid yang dialaminya adalah seperti nafas pendek dan cepat penat.

"Saya mengalami *short of breath* sehingga berasa seperti nak pitam. Saya juga cepat berasa penat dan deria rasa terganggu.

"Apa yang ketara sekarang adalah saya tidak boleh melihat telefon terlalu lama kerana boleh menyebabkan rasa nak muntah," katanya.

Selain itu, Ria Nadia turut mempunyai gejala kepala berasa seolah-olah berpusing.

"Namun kini, situasi saya semakin pulih sedikit demi sedikit dan paras oksigen juga berada pada tahap normal," katanya.

Sebagai bekas pesakit Covid-19, Ria Nadia turut berpesan kepada masyarakat agar segera mengambil vaksin bagi mengurangkan kesan jangkitan kerana Covid-19 memberi kesan kesihatan yang berpanjangan kepada individu yang dijangkiti.



RIA NADIA

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Khairy beri jaminan cari titik penyelesaian isu doktor kontrak

KUALA LUMPUR - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memberi jaminan akan mencari titik penyelesaian interim yang lebih baik berhubung isu serta permasalahan dihadapi pegawai kesihatan lantikan kontrak.

Khairy menyatakan komitmen itu menerusi perbincangannya bersama Sekretariat Gerakan Hartal Doktor Kontrak yang diadakan secara maya tengah hari pada Selasa.

"Beberapa perkara telah dibangkitkan termasuklah kaedah penilaian prestasi bagi perjawatan tetap, peluang lanjutan pengajian dan masa hadapan profesion mereka," katanya menerusi catatan di laman Facebook pada Selasa.

Awal Julai lepas, sekumpulan doktor kontrak di Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan pergerakan #HartalDoktor-Kontrak, bagi menyuarakan rasa tidak puas hati berhubung jawatan tetap dalam sektor

kerajaan bagi kira-kira 23,000 pegawai kesihatan kontrak di seluruh negara.

Susulan itu, kerajaan mengumumkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh dua tahun, selepas melengkapkan tempoh khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan bersedia untuk mengikuti pengajian kepakaran. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

Penggunaan katil ICU tinggi halang beralih ke fasa tiga PPN

KUANTAN - Kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) di Pahang yang masih tinggi menjadi penghalang kepada negeri ini untuk beralih ke fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, setakat ini kadar peratusan vaksinasi di Pahang sudah melebihi sasaran yang ditetapkan.

Menurutnya, semua kriteria telah dipenuhi kecuali penggunaan bilangan katil di unit rawatan rapi (ICU) yang agak tinggi.

"Dalam mesyuarat baru-baru ini, saya sudah bangkitkan perkara ini kepada Perdana Menteri, Ismail Sabri Yaakob, dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan beliau (Khairy



WAN ROSDY

Jamaluddin) meminta tempoh seminggu untuk semak balik perkara itu.

"Saya kata mereka yang kena jangkitan Covid-19 ini sudah lama berada dalam ICU dan jangka masa untuk pulih ambil masa sehingga dua minggu.

"Kadar vaksinasi juga kita sudah penuhi kriteria, kadar kebolejangkitan pun bawah daripada satu dan semua itu kita sudah ada. Kita minta supaya KKM dan MKN beri pertimbangan khas untuk kita beralih ke fasa tiga," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas tinjauan pemberian vaksin Covid-19 kepada pelajar berumur 16 dan 17 tahun di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Rangin pada Selasa.

Wan Rosdy menjelaskan, kerajaan negeri yakin dapat mencapai imuniti kelompok sebelum hujung tahun ini seperti yang dijadualkan.

Bagaimanapun, katanya data mendedahkan kira-kira 100,000 lagi penduduk di negeri ini belum mendaftar bagi mendapatkan vaksin.

"Setakat ini, di Pahang lebih 83.8 peratus sudah mendapat dos pertama dan 61 peratus sudah lengkap menerima dua dos. Mengenai data yang menyatakan terdapat lebih 100,000 penduduk belum mendaftar, kita akan semak semula.

"Kemungkinan angka itu tidak tepat, mungkin ada penduduk Pahang mendapatkan suntikan vaksin di luar negeri ini, mungkin di Lembah Klang, jadi data ini kita akan selaraskan semula," ujarnya.

Dalam pada itu, Wan Rosdy memaklumkan seramai 30,000 warga Felda Pahang akan menerima suntikan dos pertama vaksin pada penghujung September.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

3.2j pelajar mula divaksin

Oleh MOHD. HUSNI
 MOHD. NOOR
 utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Pemberian suntikan vaksin Covid-19 kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun akan dilaksanakan di 156 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan Integrasi di seluruh negara secara kaedah jumpa terus berjadual bermula esok ini.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, agihan vaksin itu mengikut lokasi sekolah berhampiran PPV yang dikenal pasti.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Imunisasi Covid-19 Remaja (CITF-A) berkata, pemberian vaksin akan di-

laksanakan mengikut giliran serta tarikh dan masa yang ditetapkan.

“Jadual pemberian vaksin akan dikeluarkan pihak sekolah masing-masing kepada remaja dan ibu bapa.

“Bagi remaja yang mendapat tarikh vaksinasi di PPV Sekolah, kumpulan pelajar ini perlu mengekalkan janji temu sedia ada di PPV sekolah yang ditetapkan dan tidak dibenarkan walk-in ke PPV Awam atau Integrasi,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Noor Azmi berkata, bagi remaja yang tidak bersekolah, mereka dibenarkan hadir terus di mana-mana 156 PPV yang berdekatan dengan kediaman masing-masing.

Kata beliau, sekiranya kuota vaksin di PPV tersebut habis untuk hari berkenaan, mereka akan diberi janji temu di PPV sama keesokan hari atau di klinik kesihatan swasta berdekatan.

Menurutnya, pendekatan pergi terus ke PPV berjadual ini dibuat bagi memudahkan dan mempercepatkan lagi proses pemberian vaksin kepada remaja di seluruh negara.

“Remaja yang menuntut di IPTA/IPTS yang berumur di bawah 18 tahun dibenarkan walk-in ke semua PPV yang masih beroperasi pada ketika ini dengan menunjukkan pengenalan diri sebagai pelajar IPTA/IPTS,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ibu bapa atau penjaga

perlu hadir bersama untuk menandatangani borang kebenaran vaksinasi.

Noor Azmi berkata, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Remaja dimulakan secara rasmi semalam dan menyangarkan 3.2 juta remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Sehingga semalam, beliau memberitahu, sebanyak 5,964 buah sekolah telah berdaftar dengan portal Vaksin-Anak-Ku.

Katanya, seramai 308,186 remaja telah menerima dos pertama vaksin Covid-19 dengan Sabah merekodkan bilangan tertinggi iaitu 118,141 orang diikuti Sarawak (88,473); Kedah (19,453); Kelantan (17,413); Johor (16,019) dan Labuan seramai 2,523.



SEBAHAGIAN pelajar sekolah beratur untuk menerima vaksin dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) terhadap kumpulan remaja berusia 12 hingga 17 tahun di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1 di Kuala Terengganu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIIRY

KJ jamin selesai isu doktor kontrak

PETALING JAYA: Menteri Kesihatan memberi komitmen akan mencari titik penyelesaian interim yang lebih baik berhubung isu dihadapi pegawai kesihatan lantikan kontrak.

Khairy Jamaluddin berkata demikian sejurus selepas selesai sesi perbincangan bersama Sekeretariat Gerakan Hartal Doktor Kontrak yang diadakan secara maya semalam.

“Beberapa perkara dibang-

kitkan termasuk kaedah penilaian prestasi bagi perjawatan tetap peluang lanjutan pengajian dan masa depan profesion mereka,” kata Khairy menerusi kenyataan di Facebook.

Pergerakan #HartalDoktorKontrak dilancarkan sekumpulan doktor kontrak di Kementerian Kesihatan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati berhubung jawatan tetap dalam sektor kerajaan bagi

23,000 pegawai kesihatan kontrak di seluruh negara.

Susulan itu, kerajaan mengumumkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak ditawarkan lantikan secara kontrak bagi tempoh dua tahun, selepas melengkapkan tempoh khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan persediaan mengikuti kepakaran.

Bagaimanapun, 26 Julai lalu, ratusan doktor kontrak menyertai perhimpunan aman Gerakan Hartal Doktor Kontrak bagi menuntut kepada kerajaan.

Perhimpunan berkenaan berlaku serentak di semua fasiliti kesihatan di seluruh negara mendesak kerajaan menyeras doktor kontrak menjadi pengamal perubatan tetap di kementerian.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

RMK-12 perlu tumpu pembangunan vaksin

Oleh MUHAMMAD FIRDAUS
FAHMI JUNAIDI

utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan disarankan mengambil serius mengenai pembangunan dan penyelidikan (R&D) vaksin menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam memastikan krisis kesihatan masa hadapan dapat dikawal sebaiknya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Virologi Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar berkata, Malaysia sudah mampu mencipta vaksin, tetapi tidak ke arah membangunkan vaksin tersebut ke peringkat untuk digunakan manusia.

"Kita belum ada keupayaan untuk mengambil vaksin yang dicipta lalu diuji kepada haiwan dan manusia untuk dikilangkan serta dipasarkan kepada orang awam. Malaysia masih di takuk paling awal iaitu peringkat penciptaan.

"Malaysia belum mempunyai keupayaan kerana tiada pelaburan dilakukan sejak dulu lagi, walaupun pernah melakukannya terhadap haiwan tetapi bukannya manusia. Oleh itu, perlu diutamakan untuk mendapatkan teknologi dalam men-



PETUGAS kesihatan memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada pelajar sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

jalankan R&D ini dan sekiranya tiada teknologi, akan memban-
tutkan perkembangan kepa-
karan pakar-pakar di Malaysia,"
jelasnya.

Sebelum ini, dilaporkan do-
kumen Rancangan Malaysia Ke-
12 (RMK-12) yang sudah hampir
siap 100 peratus dan dijangka
dibentangkan pada 27 Septem-
ber ini oleh Perdana Menteri, Da-
tuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pelan tersebut perlu me-

menuhi jangkaan mengutama-
kan polisi jangka panjang yang
lebih fundamental, membasmi
kemiskinan, mengurangkan ju-
rang pendapatan, infrastruktur
yang tersusun dan perpaduan
terutamanya melibatkan isu
keadaan ketersediaan menanga-
ni krisis kesihatan negara.

Tambah Sazaly, kos pemba-
ngunan itu bergantung kepada
strategi kerajaan sama ada me-
lakukan R&D sendiri yang bakal

menggunakan kos yang besar
dan masa yang lama atau tidak.
Malaysia boleh mencontohi
kerajaan Singapura yang me-
labur kepada syarikat pemban-
gunan vaksin dan membawa
vaksin ke negara mereka.

Ulas beliau, di Thailand,
mereka menghantar pasukan
saintis ke luar negara untuk
bekerjasama dengan syarikat
pengeluar di luar negara serta
membangunkan kilang mereka
sendiri di Thailand.

"Di Arab Saudi pula, pihak
mereka membawa syarikat ke
negara mereka untuk membina
kilang dan terus dengan mencipta
vaksin di dalam negara.

"Sekiranya tidak dilakukan,
Malaysia masih akan menghadapi
masalah apabila ada keperluan
tetapi tiada vaksin. Nasib baik,
dalam isu Covid-19, kita cepat
membeli vaksin disebabkan ada
peruntukan apabila membelinya
awal sebelum vaksin itu ada lagi.

"Kerajaan diharapkan men-
gambil serius perkara ini un-
tuk tidak menanggungkan pem-
bangunan vaksin ini setelah
Covid-19 sudah reda. Ini sudah
disarankan pakar lebih 10 tahun
dahulu, dan masih tidak diambil
cakna kerajaan, maka kerajaan
perlu menyokong pembangunan
ini sepenuhnya," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION / NEWS

PM: 80pc OF ADULTS FULLY VACCINATED

Continue efforts to combat Covid-19, says Ismail Sabri as efforts stepped up to track down unvaxxed

NOR AIN MOHAMED RADHI AND
DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA has achieved its target of vaccinating 80 per cent of its adults against Covid-19, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said yesterday.

However, Ismail Sabri urged Malaysians to continue efforts to combat the coronavirus.

"Congratulations! Malaysia has achieved its 80 per cent adult population vaccination target.

"Let's continue with our efforts to combat Covid-19 #LindungDiriLindungSemua," he said on Twitter.

Health Minister Khairy Jamaluddin also shared the news with the tweet: "At 1300hrs (1pm) today, Malaysia reached the target of 80 per cent of its adult population being fully vaccinated.

"Although the initial target was 80 per cent of the adult population, now the Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee (JKJAV) will try to track down the 20 per cent who have not or refused to be vaccinated."

JKJAV data on Monday showed that 79.6 per cent of adults have been completely vaccinated.

However, the day also saw a rise in brought-in-dead (BID) Covid-19 cases and hospitalisation rate.

The Health Ministry's Covid-Now portal showed that BID cases jumped drastically from 64 on Friday to 92 on Monday.

It was the eighth consecutive day that Malaysia logged over 300 deaths since Sept 13 when the country reported 413 deaths.

Covid-19 fatalities recorded on Monday, however, declined to 301 from the 376 registered the previous day. The fatalities reported on Monday raise the country's Covid-19 death toll to 23,744.

Klang Valley reported the most



number of deaths, with Selangor logging 130 deaths followed by 13 deaths in Kuala Lumpur.

As of Monday, the seven-day average of confirmed Covid-19 deaths in the country was 108.

Based on data for the last two weeks, Penang accounted for most of the Covid-19 deaths with 17.5 deaths for every 100,000 people.

The number of Covid-19 patients admitted to hospitals also increased slightly to 11,321 on Monday from 11,277 recorded the previous day.

It was the first time the number of hospitalisations had increased since Aug 17.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 76 per cent, or 1,595, of Intensive Care Unit beds set aside for Covid-19 patients were in use.

In Perlis, all 11 ICU beds were being used, while Terengganu, Penang, Johor, Kelantan and Sarawak reported a more than 90 per cent bed occupancy rate.

However, the number of patients requiring ICU treatment dropped to 1,154, with patients requiring ventilator support also decreasing to 633.

Johor had the highest hospital bed occupancy rate at 89.8 per cent, while only 40.7 per cent of beds in Kuala Lumpur hospitals were occupied as of yesterday.

Malaysia recorded 15,759 Covid-19 cases as of noon yesterday, raising the national tally to 2,127,934.

Sarawak remained the state with the most number of cases at 3,732, followed by Johor at 1,959 and Selangor at 1,934.

Penang reported 1,417 new cases, Kelantan (1,338), Sabah (1,291), Perak (1,184), Kedah (786), Pahang (707), Terengganu (592), Kuala Lumpur (359), Melaka (264) and Negri Sembilan with 127. Putrajaya, Perlis and Labuan reported 34, 23 and 12 cases respectively.

Malaysia reported 14,345 new cases on Monday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION / NEWS

DISINFECTION AGAINST COVID-19

Health D-G: Nano mist not replacement for standard surface cleaning

PUTRAJAYA: The use of nano mist does not replace the requirement for standard surface cleaning for disinfection against Covid-19, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the nano mist had gained public attention in its use as a disinfecting tool to prevent the transmission of Covid-19, with some people believing that it could kill SARS-CoV-2 virus in the air and on surfaces.

"However, the effectiveness of this device is dependent on its



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

dispersion ability, the disinfectant type used and its concentration, as well as the contact time between disinfectant and surface," he said in a statement yesterday.

Nano mist spray delivers nano-size particles and is widely used for various purposes, including in cosmetics and perfumes, and for domestic and industrial

use. It is available in many forms and sizes, ranging from spray gun and handheld spray for personal use and larger size for industrial



Nano mist spray is available in many forms and sizes, ranging from spray gun and handheld spray for personal use. PIC BY ASWADI ALIAS

Dr Noor Hisham said several surface disinfectants had been identified to be effective against SARS-CoV-2 such as alcohol (70 to 90 per cent), hydrogen peroxide, thymol, quaternary am-

monia, and chlorine-based solution.

The list of recommended surface disinfectants against SARS-CoV-2 is available from the United States Environmental Protec-

tion Agency website at <https://www.epa.gov/coronavirus/about-list-n-disinfectants-coronavirus-covid19-0>, which is an international reference for disinfectants. **Bernama**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION / NEWS

156 PPVs FOR WALK-IN VACCINATIONS

Approach is part of collaboration with Education Ministry to expedite process, says Noor Azmi

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government will provide scheduled walk-in vaccinations for adolescents age 12 to 17 at 156 vaccination centres (PPVs) nationwide beginning Thursday.

Deputy Health Minister I Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, who chairs the Covid-19 Immunisation Task Force-Adolescent (CITF-A), said the approach was part of a collaboration with the Education Ministry.

These scheduled walk-ins would facilitate and expedite the vaccination process among teenagers, he said.

He said the decision was made after taking into consideration the vaccination rate among the adult population, which would soon reach its target and due to the drop in the number of recipients at public and integrated PPVs nationwide.

"All PPVs under Covid-19 Immunisation Task force (CITF) would cease operations on Oct 15. Hence, CITF-A has identified 156



Shafirul Hapizi Shafiza, 16, receiving his first dose of the Covid-19 vaccine at the vaccination centre at MSU Chancellor Hall in Shah Alam yesterday. PIC BY OWEE AH CHUN

PPVs nationwide during this transitional period to increase vaccination capacity for adolescents through walk-ins.

"These scheduled vaccinations will be conducted based on the location of schools near the respective PPV, and would be done on rotation-basis based on a set date and time."

He said these walk-in schedules would be issued by the re-

spective schools to teenagers and their parents.

He said the scheduled walk-ins for teenagers at these 156 PPVs would start only on Thursday.

Teenagers from all categories of education, including those who do not attend school, will be able to be vaccinated through this approach.

"For teenagers who are not attending school, they are allowed

to walk in at any of these PPVs nearest to their homes.

"However, if the PPV has reached the vaccine quota for the day, they would be given a vaccine appointment for the next day either at the same PPV or a nearby private clinic," he said in a statement.

Dr Noor Azmi said teenagers who received appointments to be vaccinated at their respective

schools' PPV must follow those schedules, and they will not be allowed to go for the walk-ins at these PPVs.

The Health Ministry later clarified that scheduled walk-ins would not apply to students at boarding schools as they would receive appointments via MySejahtera.

Students from regular daytime schools may also go to these 156 PPVs only after their respective school issues a specific "walk-in schedule" for the parent and student.

Dr Noor Azmi said teenagers against overcrowding, Dr Noor Azmi said only one parent or guardian was allowed to accompany the teenager for vaccination.

"This group is allowed to receive their vaccine through walk-ins at all PPVs that are currently operating by furnishing their student identification card. Parents or guardians must be present to sign the consent form for their vaccination."

As a precautionary measure against overcrowding, Dr Noor Azmi said only one parent or guardian was allowed to accompany the teenager for vaccination.

He also advised parents to ensure their children were well-rested the night prior to the vaccination, have breakfast and drink sufficient water before going to the PPV.

Parents should monitor their children and prevent extreme activities for seven days after the vaccination, he said.

'Over 300,000 teens have received first Covid-19 vaccine dose'

KUALA LUMPUR: A total of 308,186 adolescents aged between 12 and 17 have received the first dose of Covid-19 vaccine, with Sabah recording the highest number at 118,141.

